

## Enam Tahun Hidup Tanpa Bekalan Elektrik

Oleh: Athirah Abdullah, 1180184



Ebit Liew melihat sekitar rumah Mohd Zakaria Yusof dan Ummi Kalsom Saad di Kampung Bukit Indera Muda. – Gambar hiasan

PULAU PINANG: Enam tahun hidup tanpa bekalan elektrik tidak menjadi faktor penghalang kepada sebuah keluarga ini untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Keluarga yang dihimpit kemiskinan ini hanya menggunakan pelita minyak tanah dan lilin, berlindung di sebuah rumah usang yang hampir menyembah bumi ekoran daripada banjir besar yang berlaku pada beberapa tahun yang lalu.

Pasangan keluarga ini mempunyai seorang anak lelaki yang berusia 13 tahun yang masih bersekolah.

Umni Kalsom Saad, 54, yang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) terpaksa bekerja sebagai pengawal keselamatan di Sekolah Kebangsaan Stowell, Bukit Mertajam.

Dia yang menjadi tulang belakang keluarga turut menyara suaminya, Mohd Zakaria Yusof, 64, yang sudah lama tidak bekerja kerana faktor kesihatan.

“Saya seorang sahaja yang bekerja untuk menampung kehidupan kami sekeluarga,” katanya ketika ditemui di rumahnya, Kampung Bukit Indera Muda.

Beliau berkata, mereka juga ada menerima sumbangan dan peruntukan RM 400 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Seberang Perai Tengah dan juga daripada Lembaga Zakat Pulau Pinang.

Mohd Noor Saad berkata saya sebagai adik hanya dapat membantu dengan apa yang mampu sahaja kadangkala saya juga ada memberi bantuan dalam bentuk makanan dan sebagainya.

Selain itu, beberapa wakil dari Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir (ADUN) termasuk Yang Berhormat Tuan Muhammad Faiz Dato'Haji Fadzil, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang persendirian turut datang menghulurkan bantuan.



Rumah Mohd Zakaria Yusof dan Ummi Kalsom Saad yang sedang dibina di Kampung Bukit Indera Muda  
-Foto Athirah Abdullah

Dalam pada itu, pendakwah bebas terkenal, Ustaz Ebit Liew atau nama sebenarnya Ebit Irawan Ibrahim Lew turut datang melawat keluarga tersebut hasil program bantuan yang dijalankan oleh pihak Qaryah Masjid Bukit Indera Muda.

Kunjungan Ebit Liew telah membawa sinar baharu kepada Mohd Zakaria Yusof dan keluarga apabila sebuah rumah baru dibina hasil kerjasama Pejabat Kadun Permatang Pasir dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sementara menunggu rumah mereka siap dibina, keluarga ini telah ditawarkan oleh Ebit Liew untuk tinggal di rumah sewa dengan bayaran bulanan ditanggung sepenuhnya.